# PELAN STRATEGIK

## JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

## 2021-2025

# PELAN STRATEGIK

## JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

## 2021-2025

**PELAN STRATEGIK JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA 2021-2025**

Diterbitkan oleh:
Unit Dasar
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Belia Dan Sukan Negara
Aras 14, Menara KBS
Kementerian Belia Dan Sukan
No.27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA

Cetakan Pertama, 2022 © Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengulang mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan bahagian dengan cara apa jua sama ada secara bentuk elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Belia dan Sukan Negara.

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH

*Assalamualaikum W.B.T & Salam Sejahtera*



**YBRS. ENCIK MOHD AZHARI BIN MOHAMMAD**

Bersyukur ke hadrat Allah SWT di atas usaha warga Jabatan Belia dan Sukan Negara yang komited dalam menghasilkan Pelan Strategik Jabatan Belia dan Sukan Negara bagi Tempoh Lima Tahun. Pelan Strategik Jabatan Belia dan Sukan Negara 2021-2025 (PS JBSN 2021-2025) julung kali diwujudkan bagi menambahbaik pengurusan dan hala tuju jangka panjang jabatan dalam membangunkan organisasi agar lebih komprehensif, berdaya saing dan mampan.

PS JBSN 2021-2025 dirangka bagi memenuhi hasrat Kerajaan untuk mencapai matlamat negara selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12 yang memfokuskan kepada pembangunan sosioekonomi pasca pandemik dan berpaksikan kesejahteraan rakyat.

Jabatan ini begitu optimis dalam merangka hala tuju ini bagi memastikan setiap strategi dan tindakan yang ditetapkan berupaya memberi pulangan berganda kepada kumpulan sasar jabatan. Justeru, PS JBSN 2021-2025 dilihat satu dokumen holistik yang menggabungkan keperluan kekuatan dalaman jabatan dan sokongan luaran menerusi 4 Teras Strategik, 15 Tindakan Strategi, 91 Inisiatif Utama dan 6 Pemantapan Tindakan Peringkat Negeri.

PS Strategik JBSN 2021-2025 adalah merupakan panduan dan penanda aras kepada semua kakitangan jabatan ini terhadap ketersediaan menggalas tanggungjawab serta memberikan komitmen dalam membangunkan kefungsian jabatan iaitu pembangunan kesejahteraan hidup belia dan pembudayaan sukan untuk semua menerusi urus tadbir yang jitu, berintegriti dan sistem penyampaian berkesan.

Sekalung tahniah dan penghargaan sepenuhnya diberikan kepada seluruh warga jabatan di atas keterlibatan dan kolaboratif menjayakan penghasilan dokumen PS JBSN 2021-2025 ini. Akhir kata, sokongan dan dokongan serta komitmen setiap kakitangan jabatan terhadap PS JBSN 2021-2025 ini akan membuahkan penghasilan *outcome* yang dihasratkan khususnya dan dapat menyumbang kepada pencapaian Kementerian dan Nasional amnya.

# KANDUNGAN


| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|
| 1. Ringkasan Eksekutif | 6 |
| 2. Sorotan Kejayaan | 7 |
| **BAB 1 : PENDAHULUAN** | |
| 1. Latar Belakang | 10 |
| 2. Kepimpinan Jabatan | 11 |
| 3. Carta Organisasi | 12 |
| 4. Fungsi Jabatan dan Bahagian | 13 |
| 5. Punca Kuasa | 14 |
| 6. Kejelasan Bidang Tugas | 15 |
| **BAB 2 : SENARIO PERSEKITARAN** | |
| 1. *Stakeholders*, Rakan Strategik & Pelanggan | 18 |
| 2. Nilai Bersama | 19 |
| 3. Isu-isu Strategik & Analisa Persekitaran | 20 |
| **BAB 3 : HALA TUJU STRATEGIK** | |
| 1. Visi & Misi | 24 |
| 2. Kerangka Hala Tuju JBSN 2021-2025 | 25 |
| 3. Jangkaan *Outcome* Lima Tahun | 26 |
| 4. Bidang Tumpuan Utama | 27 |
| 5. Strategi & Formulasi Tindakan | |
| 5.1 Teras Strategik 1 | 29 |
| 5.2 Teras Strategik 2 | 36 |
| 5.3 Teras Strategik 3 | 45 |
| 5.4 Teras Strategik 4 | 53 |

**BAB 4 : PEMANTAPAN TINDAKAN PERINGKAT NEGERI**

1. Strategi & Formulasi Tindakan Peringkat Negeri **62**
2. 6 Tindakan Utama Peringkat Negeri **63**

**BAB 5 : MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

1. Mekanisme Pemantauan & Penilaian **66**
2. Peranan Jawatankuasa Pemantauan PS JBSN 2021-2025 **67**
3. Sokongan Pencapaian Kejayaan **68**
4. Penutup **69**

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Jabatan Belia dan Sukan Negara 2021 – 2025 (PS JBSN 2021 – 2025) merupakan asas rujukan kepada semua warga Jabatan dalam merancang, melaksanakan tindakan, memantau dan menilai keseluruhan tugas dan tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pemegang taruh.

PS JBSN 2021 – 2025 ini merupakan yang pertama diwujudkan sebagai petanda kepada anjakan paradigma yang dibawa oleh jabatan kini ke atas perancangan strategik yang lebih terarah dan komprehensif dengan mengambil kira akan pembangunan ekonomi semasa, sosial dan kekuatan sumber manusia dalam mengukuhkan lagi komitmen kerajaan. PS JBSN 2021-2025 bakal memperjelaskan hala tuju strategik jabatan bagi tempoh lima (5) tahun yang boleh dijadikan asas rujukan dalam merancang pelaksanaan program-program tahunan, penyediaan peruntukan mengurus dan bajet pembangunan serta jangkaan *outcome* yang dihasratkan.

PS JBSN 2021-2025 berlandaskan kepada Rancangan Malaysia Ke-12, Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan 2021-2025, Dasar-dasar dan Pelan Tindakan sedia ada yang menyokong ekosistem belia dan sukan serta sejajar dengan keperluan persekitaran semasa, *stakeholders* dan pelanggan.

Antara penekanan ke atas PS JBSN 2021-2025 ialah pemantapan modal insan penjawat awam menerusi tadbir urus yang jitu dan berintegriti, pengukuhan ke atas tindakan pelaksanaan inisiatif dan program berstruktur di semua peringkat terutamanya akar umbi dan pemantauan serta penilaian yang membantu kepada pengemaskinian pengurusan yang sistematik.

Visi dan Misi jabatan adalah berpaksikan kepada kesejahteraan hidup belia dan pembangunan sukan untuk semua yang mampan. Sehubungan itu, PS JBSN 2021-2025 ini dimanifestasikan berdasarkan 4 Teras Strategik, 15 Tindakan Strategi, 91 Inisiatif dan 6 Pemantapan Tindakan Peringkat Negeri yang memberi nilai tambah kepada pembangunan sosioekonomi pasca pandemik.

Perancangan tindakan yang digariskan membuktikan komitmen jabatan kearah persediaan memacukan kesejahteraan hidup belia yang lebih dinamik di samping membudayakan masyarakat untuk sentiasa aktif dalam aktiviti sukan dan rekreasi selari kefungsian utama jabatan. Justeru, jabatan akan memastikan perancangan ini dilaksanakan seperti mana yang digariskan dalam memberi impak berganda kepada *stakeholders* dan pelanggan khususnya.

# SOROTAN KEJAYAAN 2015-2020

**Berikut merupakan pencapaian JBSN dalam tempoh 5 tahun yang memberi impak kepada masyarakat, belia dan negara.**

| | |
|---|---|
| **20** | Tokoh Belia Perdana Negara |
| **2,951** | Peserta Belia Antarabangsa |
| **677** | Peserta Felo Perdana & Felo Korporat |
| **Projek Riben Kuning** | - 196 Mendapat Pekerjaan<br>- 241 Orang Melanjutkan Pelajaran Di Institusi Latihan Kemahiran |
| **1,479** | Penerima Manfaat Bantuan NGO Belia |
| **Parlimen Belia Malaysia** | - 424 Ahli<br>- 10 Orang Alumni PBM Berjaya Menyertai Pentadbiran Kerajaan |
| **182,210** | Penerima Anugerah Remaja Perdana Kategori Emas, Perak & Gangsa |
| **Majlis Perundingan Belia Negara** | - 57 Usul Peringkat Kebangsaan<br>- Indikator Penghasilan Polisi Kerajaan cth: Hari Tanpa Beg Plastik, Skim Pemilikan Rumah Belia dll |
| **MyCorp** | - 678 Bilangan Projek Komuniti Antarabangsa<br>- 389 Orang Sukarelawan |
| **23,435,687** | Penyertaan Hari Sukan Negara Peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan |
| **181** | *Master Trainer* Jurulatih Rekreasi |
| **4,308 Bakat Sukan Baharu** | - 770 Bakat Daripada Pelbagai Sukan<br>- 2,684 Bakat Permotoran<br>- 854 Kem Bakat Badminton |
| **10,551** | Bakat Baharu Sukan OKU |

# PENDAHULUAN

- Latar Belakang
- Barisan Ketua Pengarah
- Carta Organisasi
- Fungsi Jabatan dan Bahagian
- Punca Kuasa
- Kejelasan Bidang Tugas

# BAB 1

# LATAR BELAKANG

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) telah ditubuhkan pada 3 Mei 1964. Berikutan dengan penubuhan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada 20 Mei 1987, kefungsian kebudayaan pada ketika itu diselaraskan semula dan diletakkan di bawah kefungsian KBS dan menjadikannya sebagai KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN dan seterusnya pada tahun 1987, kefungsian kebudayaan dikeluarkan dan mengekalkan kefungsian belia dan sukan sehingga kini. Ketika itu, kefungsian bidang tugas pembangunan sukan untuk semua telah digerakkan oleh Bahagian Pembangunan Sukan manakala pembangunan belia di bawah tindakan Bahagian Pembangunan Belia.

Pada tahun 2000, di atas punca kuasa persetujuan KBS untuk mengembangkan dan memperkukuhkan fungsi dan peranan pembangunan sukan untuk semua dan pembangunan belia, maka JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA telah ditubuhkan. Jabatan diketuai oleh seorang Ketua Pengarah, tiga orang Timbalan Ketua Pengarah yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Belia, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Sukan dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Rakan Muda. Manakala seorang lagi jawatan Pengarah diwujudkan bagi menyelia hal-hal pengurusan dan pentadbiran. Jabatan ini mempunyai jentera kekuatan di peringkat akar umbi menerusi 15 orang Pengarah di Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan Pegawai Belia dan Sukan di 113 Pejabat Belia dan Sukan Daerah/Kawasan/ Bahagian serta 2 orang Pengarah di Akademi Pembangunan Belia Malaysia.

Seksyen 34 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) Pindaan Tahun 2019 menjelaskan lagi peranan JBSN berkaitan Dasar berhubung Pembangunan Belia manakala Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576) Pindaan 2018 menyokong kepada tindakan pembangunan sukan di Malaysia dalam konteks sukan untuk semua.

JBSN menjadi agensi peneraju kepada bidang kepakaran pembangunan kesejahteraan belia dan pengaktifan masyarakat ke arah gaya hidup aktif menerusi pembangunan sukan untuk semua di pelbagai peringkat. JBSN diperkukuhkan dengan pewujudan Bahagian yang mengurus tadbir dan menjadi pemangkin kepada pengurusan jabatan.

**Bahagian-bahagian Utama:**

- **Bahagian Pembangunan Sukan**
- **Bahagian Pembangunan Belia**
- **Bahagian Pembangunan Rakan Muda**
- **Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan**

# KEPIMPINAN JABATAN

## BARISAN KETUA PENGARAH
BERMULA TAHUN 2000-2022



**YM Dato' Raja Ruslan bin Raja Samah**
2000 - 2004



**YBhg. Dato' Suroya bin Selamat**
2004 - 2008



**YBhg. Dato' Haji Fathul Razi bin Haji Bakri**
2008 - 2010



**YBhg. Tan Sri Borhan bin Dolah**
2010 - 2012



**YBhg. Datuk Hajah Hatipah binti Ibrahim**
2012 - 2020



**YBhg. Dato' Dr. Hajah Wasitah binti Mohd Yusof**
2020 - 2021



**YBrs. Encik Mohd Azhari bin Mohammad**
2022 - Kini

# CARTA ORGANISASI




## PEJABAT

**4** Bahagian Utama
**15** JBS Negeri
**113** PBS Daerah/Bahagian/Kawasan
**2** Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM)

****JBS NEGERI MELIBATKAN PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH/BAHAGIAN/KAWASAN**

# FUNGSI JABATAN & BAHAGIAN

## JABATAN

1. Menyerlahkan potensi belia yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan, kemahiran, keusahawanan dan kesukarelaan
2. Memperkasa dan memberi pengiktirafan kepada individu serta organisasi belia dan sukan
3. Mempertingkatkan kesedaran ke arah masyarakat berbudaya sukan
4. Meningkatkan keselesaan penggunaan kemudahan dan infrastruktur belia dan sukan di seluruh negara
5. Melaksanakan program berdasarkan inklusiviti dan kesamarataan jantina

## SUKAN

- Meningkatkan penyertaan masyarakat dalam sukan melalui pendidikan dan amalan gaya hidup aktif
- Menyediakan platform penyerlahan dan pencarian bakat akar umbi
- Mengoptimumkan penggunaan dan aksesibiliti kemudahan sukan dan rekreasi
- Mengukuhkan jaringan kerjasama dengan pihak berkepentingan seperti NGO sukan, NGO Rekreasi, NGO OKU, NGO Prestasi Tinggi, Majlis-majlis Sukan Negeri
- Memperkasakan persatuan dan penggerak sukan

## BELIA

- Mengukuhkan pembangunan kepimpinan
- Memantapkan program latihan keusahawanan
- Menyediakan platform peluang & penciptaan pekerjaan
- Mengupayakan pertubuhan belia
- Meningkatkan inisiatif pemerkasaan agenda sosial belia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- Menyediakan program keilmuan dan latihan melalui kerjasama pintar pelbagai pihak berkepentingan

## RAKAN MUDA

- Merangka strategi pembangunan potensi dan kesukarelawanan dalam kalangan belia awal dan pertengahan untuk gaya hidup aktif
- Mengoptimumkan elemen pembangunan belia positif menerusi pembentukan karakter
- Meningkatkan jaringan kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan program Rakan Muda
- Khidmat nasihat dan pemudah cara bagi pelaksanaan program penyerlahan potensi & kesukarelawanan

## SOKONGAN

- Menyelaras dan menguruskan pemberian bantuan kepada Pertubuhan Belia dan Sukan Bukan Kerajaan (NGO)
- Menguruskan kewangan Jabatan secara cekap dan teratur berpandukan kepada perancangan Jabatan dengan mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa
- Melaksanakan Pengurusan Sumber Manusia JBSN
- Menguruskan Pengurusan Aset dan Stor JBSN
- Mengurus dan mengawal selia projek pembangunan dan fasiliti di bawah JBSN
- Mengurus dan menyelaras perolehan secara sebut harga di JBSN

# PUNCA KUASA

## AKTA

AKTA
PEMBANGUNAN SUKAN 1997
(PINDAAN 2018)

AKTA PERTUBUHAN
BELIA DAN PEMBANGUNAN
BELIA 2007
(PINDAAN 2019)

## DASAR

DASAR BELIA MALAYSIA
2015

DASAR SUKAN NEGARA
2009

**Akta dan Dasar memandu Jabatan dalam menjalankan fungsi dan peranan yang ditetapkan**

# KEJELASAN BIDANG TUGAS

**BELIA DAN SUKAN**

### TAKRIFAN BELIA

Berumur Di Antara 15 Tahun Dan Sebelum Mencapai Umur 30 Tahun

### 8 KUMPULAN SASARAN BELIA

1. Belia Bersekolah
2. Belia Pengajian Tinggi
3. Belia Berkerjaya
4. Perkumpulan Belia
5. Belia Massa
6. Belia Malaysia Antarabangsa
7. Belia Minoriti & Golongan Terpinggir
8. Belia Berisiko

### 9 BIDANG KEUTAMAAN BELIA

1. Pendidikan & Latihan
2. Kenegaraan & Jati Diri
3. Gaya Hidup Sihat & Sejahtera
4. Kepemimpinan
5. Kesukarelawanan & Masyarakat Sivil
6. Keusahawanan
7. Penyelidikan & Inovasi
8. Profesionalisme Kerja Belia
9. Pengiktirafan

### TAKRIFAN SUKAN UNTUK SEMUA

Semua Kegiatan Fizikal Yang Merangkumi Segala Aktiviti Sukan, Permainan Tradisional, Rekreasi Fizikal dan Kecergasan Yang Berlaku Secara Spontan Atau Terurus Dengan Tujuan Untuk Menggalakkan Penyertaan Yang Lebih Luas Dalam Kalangan Masyarakat Umum

### BUDAYA SUKAN

Menjadikan Sukan Sebagai Satu Amalan Hidup Yang AKtif, Cergas, SIhat Dan Bersaing

### NEGARA SUKAN

Malaysia Menjadi Sebuah Negara Sukan Di Mana Masyarakat Secara Keseluruhannya Telah Mengamalkan Budaya Sukan Seiring Dengan Ketersediaan Ekosistemnya

### 10 KUMPULAN PELAKSANA BELIA & SUKAN

1. Masyarakat
2. NGO
3. KBS & Agensi Persekutuan
4. Kerajaan Negeri
5. Institusi Pendidikan & Penyelidikan
6. Media
7. Syarikat Berkaitan Kerajaan & Swasta
8. Kepimpinan Politik
9. NGO Belia & Sukan & Individu
10. Keluarga

Sumber: Dasar Belia Malaysia 2015 – 2035, Dasar Sukan Negara 2009 & Indeks Budaya Sukan Malaysia

# SENARIO PERSEKITARAN

- *Stakeholders*, Rakan Strategik & Pelanggan
- Nilai Bersama
- Isu-isu Strategik & Analisa Persekitaran

# BAB 2

# STAKEHOLDERS, RAKAN STRATEGIK & PELANGGAN

***Stakeholders*, Rakan Strategik dan Pelanggan sebagai pemegang taruh rapat pembangunan belia dan sukan yang membantu mengerakkan jentera kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada golongan sasar**

### STAKEHOLDERS

1. YAB Perdana Menteri
2. Ahli-ahli Jemaah Menteri
3. Ketua Menteri/ Menteri Besar
4. Ketua Setiausaha Negara
5. Ketua Setiausaha

Pihak yang mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan sesuatu program

### RAKAN STRATEGIK

1. Kementerian dan Agensi Persekutuan
2. Jabatan Peringkat Negeri
3. NGO Belia dan Sukan Tempatan dan Antarabangsa
4. Syarikat/Agensi Swasta/ GLC
5. Institut Penyelidikan dan Pendidikan
6. Pusat-pusat Latihan
7. Media
8. Pihak Penaja
9. Penggerak Sukan

Suatu entiti yang menjalinkan kerjasama dengan agensi awam dalam bentuk yang tertentu bagi mencapai suatu matlamat bersama

### PELANGGAN

1. 8 Kumpulan Sasaran Belia
2. NGO Belia dan Sukan
3. Komuniti Setempat
4. Keluarga
5. Warga Emas
6. Orang Asli
7. Orang Kurang Upaya
8. Kanak-kanak
9. Wanita
10. Belia NEET

Pihak yang menerima faedah secara langsung atau tidak langsung daripada aktiviti yang dijalankan

# NILAI BERSAMA

**Nilai Bersama yang perlu DIFAHAMI, DITERIMA dan DITERAP di dalam diri individu dan organisasi secara komprehensif**

**J**
JUARA
Menerajui Pelaksanaan Program Pembangunan Belia Dan Sukan

**B**
BERMUTU
Menghasilkan Kerja Yang Berkualiti Dan Berimpak Tinggi

**S**
SINERGI
Semangat Keluarga Malaysia Yang Melengkapi Landasan Pembangunan Belia Dan Sukan Negara

**N**
NASIONALISME
Menanamkan Rasa Kesetiaan Dan Kecintaan Kepada Bangsa Dan Negara Yang Mendalam

**A**
ASPIRASI
Menumpukan Dan Merealisasikan Harapan Dan Iltizam Dalam Membangunkan Potensi Belia Dan Sukan Masa Hadapan

**K**
KOMITED
Melaksanakan Tugasan Yang Diamanahkan Dengan Penuh Tanggungjawab Dan Dedikasi

**T**
TELUS
Memperkukuhkan Ekosistem Organisasi Secara Komprehensif Dengan Menerapkan Amalan Berintegriti, Akauntabiliti dan Amanah

**I**
INKLUSIF
Merangka Dan Melaksanakan Tindakan Secara Bersepadu Dan Seimbang Kepada Kumpulan Sasar

**F**
FUTURISTIK
Memanfaatkan Dan Mengaplikasikan Teknologi Termaju, Pendigitalan Serta Keupayaan Khusus Dalam Melaksanakan Program Belia Dan Sukan

# ISU-ISU STRATEGIK & ANALISA PERSEKITARAN

Isu dan cabaran perlu dikenal pasti untuk digunakan sebagai satu instrumen dalam menganalisa persekitaran. Ia dilihat penting untuk merangka suatu hala tuju strategik bagi memahami keadaan, menentu akan kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman seterusnya dapat meramal keadaan masa hadapan yang diperlukan dengan signifikan.

## 4 Isu Utama Pembangunan Belia Dan Sukan

### POLITIK

- -Kepemimpinan
- -Perubahan Drastik Hala Tuju
- -Literasi Politik
- -Kematangan Politik
- -Transisi Kepimpinan
- -Pemikiran Global
- -Hubungan Serantau & Antarabangsa

### EKONOMI

- -Ketidakstabilan Ekonomi
- -Peluang & Penciptaan Pekerjaan
- -Kos Sara Hidup
- -Pengurusan Kewangan Peribadi
- -Keusahawanan & Perniagaan

### SOSIAL

- -Latihan & Pendidikan
- -Gejala Sosial
- -Kesihatan Mental
- -Jati Diri & Patriotisme
- -Pengurusan Kewangan Peribadi
- -Ketidakaktifan NGO
- -*Sedentary Lifestyle*
- -Kerohanian & Nilai Murni

### TEKNOLOGI

- -Kepantasan Teknologi
- -Peralatan ICT
- -Ancaman Siber dan Digitalisasi
- -Media Sosial
- -Inovasi & Kreativiti

Sumber: Dasar Belia Malaysia 2015 – 2035 &
Hasil Dapatan Percambahan Minda JBSN SeMalayisa 2021

## POLITIK

Indeks Belia Malaysia Tahun 2021 menerusi Domain Sosialisasi Politik, Kenegaraan & Demokrasi menunjukkan skor di tahap sederhana iaitu 60.31. Perubahan pantas lanskap politik negara dalam tempoh 5 tahun menyumbang kepada ketidaktentuan demokrasi negara. Selain itu, penundaan ke atas penguatkuasaan had umur belia baharu menjadi medan ketidakseimbangan peralihan kepimpinan muda negara terutamanya dalam sistem pertubuhan belia. Pandemik Covid-19 yang melanda juga membataskan tahap kompetensi belia di pentas global akibat daripada sekatan rentas negara yang dikuatkuasakan oleh Malaysia dan negara-negara dunia yang lain.

## EKONOMI

Indeks Belia Malaysia Tahun 2021 menerusi Domain Ekonomi menunjukkan skor 59.07 (tahap kurang memuaskan). Dapatan *Khazanah Research Institute* menerusi kajian Cabaran dan Strategi Pasca Pandemik Untuk Belia pada April 2020 menunjukkan trend mencemaskan berkaitan kesan Covid-19 terhadap ekonomi terutamanya jangkaan peningkatan isu pengangguran belia. Pertumbuhan ekonomi yang terjejas turut memberi implikasi ke atas kos sara hidup. Walau bagaimanapun, literasi digital meningkat apabila akses kepada ekonomi gig bertambah kukuh 2 tahun kebelakangan yang memberi ruang pekerjaan alternatif kepada mereka dalam mencari punca pendapatan (DOSM).

## SOSIAL

Indeks Budaya Sukan Malaysia Tahun 2021 menunjukkan 50% rakyat Malaysia terlibat dalam sukan manakala Indeks Belia Malaysia Tahun 2021 di bawah skor Domain Kesejahteraan Mental dan Fizikal ialah 68.91 (tahap sederhana). Hasil Kajian Belia Dan Pembangunan Negara: Isu Dan Cabaran Institusi Pendidikan Dan Latihan Kemahiran Tahun 2016, kerajaan perlu membuat penambahbaikan keberkesanan program pendidikan dan latihan kemahiran seiring keperluan industri. Susulan Pandemik Covid-19 melanda seluruh dunia, antara impak positif yang dirasai ialah faktor hubungan kekeluargaan yang erat kerana kebanyakan masa diperuntukan bersama keluarga. Penekanan ke atas hubungan sosial ini memberi indikasi penetapan strategi yang dirangka bagi mengatasi sebilangan isu yang dihadapi.

## TEKNOLOGI

Masyarakat terutamanya belia harus melatih diri sentiasa bersedia beradaptasi persekitaran yang pantas berubah dan kompetitif seperti teknologi. Menurut Kajian *Scenarios: Future of Youth 2035* oleh IYRES dan Malaysia *Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT) Tahun 2021 mendapati antara perkara utama yang memandu perubahan belia masa hadapan ialah *technology advancement and digitalization*. Dalam konteks masyarakat, hasil dapatan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan penggunaan internet meningkat bagi perkhidmatan berkaitan e-Pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan e-Hiburan pada tahun 2020 iaitu sehingga ketahap melebihi 90%. Perkara lain yang perlu diberi perhatian juga melibatkan ancaman siber dan etika penggunaan teknologi agar tidak mengganggu sensitiviti pelbagai pihak.

# HALA TUJU STRATEGIK

- Visi, Misi & Kerangka Hala Tuju
- Jangkaan *Outcome* Lima Tahun
- Bidang Tumpuan Utama
- Strategi & Formulasi Tindakan

# BAB 3

# VISI & MISI

## VISI

Melahirkan Belia Sejahtera
Dan Negara Aktif Bersukan

## MISI

Menjadikan Belia Pemangkin Negara
Berdaya Maju Dan Membudayakan Gaya
Hidup Aktif Melalui Ekosistem Sukan
Yang Mampan

# KERANGKA HALA TUJU JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA 2021-2025

**IBM (70.8 Skor) + IBSM (63.3 Skor)**

**VISI :** Melahirkan Belia Sejahtera dan Negara Aktif Bersukan

**MISI :** Menjadikan Belia Pemangkin Negara Berdaya Maju Dan Membudayakan Gaya Hidup Aktif Melalui Ekosistem Sukan Yang Mampan

## PENJAJARAN

- RMKe-12
- WKB 2030
- SDG 2030
- DBM
- DSN 2009
- MBPB 2030
- VSN 2030
- MY DIGITAL
- ASEAN WORK PLAN
- LAIN-LAIN DASAR
- AKTA

## TERAS STRATEGIK dan STRATEGI

| TS 1: MEMBUDAYAKAN SUKAN DAN MEMBANGUNKAN BAKAT SUKAN AKAR UMBI | TS 2: MEMPERKUKUH KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA | TS 3: MENYERLAHKAN POTENSI DAN MEMBUDAYAKAN KESUKARELAWAN GENERASI MUDA | TS 4: MEMPERKASA TADBIR URUS DAN MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN |
|---|---|---|---|
| S1: Melibatkan Masyarakat Dalam Aktiviti Sukan | S1: Memperkasakan Ekonomi Belia | S1: Memantapkan Ekosistem Penyerlah Potensi Dan Kesukarelawan | S1: Memantapkan Pengurusan Kewangan |
| S2: Mengenal Pasti Bakat Sukan | S2: Menyerlah Kepimpinan Belia | S2: Membangunkan Sistem Pengurusan Data Dan Menambaik Mekanisme Penyampaian | S2: Mengukuhkan Pengurusan Sumber Manusia |
| S3: Meningkat Latihan dan Kemahiran Serta Akreditasi Dalam Sukan | S3: Menggalakan Pembangunan Sosial Dan Pengantarabangsaan Belia | S3: Memperluaskan Jaringan Kerjasama Bersama Rakan Strategik Dalam Pelaksanaan Inisiatif | S3: Memantapkan Pentadbiran dan Pengurusan |
| S4: Memperluaskan Jaringan Kerjasama Multi-Sektoral Dalam Pelaksanaan Program | S4: Mengukuh Kerjasama Strategik Bersama Pemegang Taruh | | S4: Meningkatkan Pengurusan Fasiliti Dan Pembangunan |

## FOKUS AREA

- PENDIDIKAN & LATIHAN
- EKONOMI
- PENDIGITALAN
- PENGIKTIRAFAN
- PEMBANGUNAN KAPASITI
- DANA & INFRASTRUKTUR
- NILAI & AKAUNTANILITI

## SISTEM SOKONGAN

- *TADBIR URUS
- *BANTUAN NGO
- *KEWANGAN
- *SUMBER MANUSIA
- *KUMPULAN SASAR

## SISTEM PEMANTAUAN

- *Indeks Belia Malaysia (IBM)
- *Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM)
- *Prestasi Keberhasilan Utama
- *Sasaran Kerja Utama
- *Laporan Pencapaian Program
- *Laporan Kajian Impak

# JANGKAAN *OUTCOME* LIMA TAHUN

Aspirasi jabatan adalah untuk memastikan strategi tindakan yang digariskan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tumpuan strategi tindakan lima (5) tahun adalah bagi melihat ekosistem pembangunan belia dan sukan disokong dalam pelbagai dimensi dan seterusnya Visi dan Misi yang ditetapkan merangkumi kesejahteraan hidup belia dan pembangunan sukan untuk semua yang berdaya mampan dapat dicapai. Berikut merupakan sembilan (9) jangkaan *outcome* lima (5) tahun yang dirangka oleh jabatan bagi memastikan kesinambungan tindakan terdahulu dapat diperkukuhkan peranannya dengan sokongan tindakan terkini.

**Transisi Kepimpinan Muda Bawah 30 Tahun Dilaksanakan Sepenuhnya**

**APBM Port Dickson Sebagai Pusat Latihan Kerja Belia**

**APBM Batu Gajah Sebagai Pusat Latihan Keusahawanan Sosial Belia**

**Pengajian Diploma Pembangunan Belia Komanwel Diperkasakan**

**Pengurusan Data Dan Mobilisasi Sukarelawan Melalui Sistem Yang Bersepadu**

**Majlis Sukan Untuk Semua Diwujudkan**

**25% Peningkatan Penyertaan Program Sukan Untuk Semua Di Semua Peringkat**

**20% Peningkatan Pemerkasaan Program Pembangunan Pencarian Bakat Sukan Akar Umbi**

**20% Pentauliahan Dan Akreditasi Dalam Bidang Sukan, Rekreasi Dan Kecergasan**

# BIDANG TUMPUAN UTAMA

### BELIA

- Ekonomi
- Kepimpinan
- Sosial
- Pengantarabangsaan
- Penggalakan Organisasi
- Pengiktirafan & Pentauliahan
- Kajian & Penyelidikan

### SUKAN

- Pembudayaan Sukan
- Pembangunan Bakat
- Pembangunan Kompetensi & Akreditasi
- Pengiktirafan
- Penggalakan Organisasi
- Berorientasikan Industri Sukan
- Kajian & Penyelidikan

### RAKAN MUDA

- Gaya Hidup
- Kesukarelawanan
- Sahsiah
- Pembangunan Karakter & Potensi
- Penggalakan Organisasi
- Pengiktirafan
- Kajian & Penyelidikan

### TADBIR URUS

- Pengurusan Kewangan
- Pengurusan Bantuan Organisasi
- Pembangunan Sumber Manusia
- Nilai Dan Integriti
- Pengurusan Fasiliti
- Penyelenggaraan Fasiliti
- Naik Taraf Fasiliti

### TINDAKAN PERINGKAT NEGERI

- Kerjasama Strategik
- Pembangunan Pengkalan Data Raya
- Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI)
- Pengurusan Sumber Manusia
- Pemantapan Imej Korporat
- Pengurusan Fasiliti & ICT

# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

TERAS STRATEGIK

1

**MEMBUDAYAKAN SUKAN DAN MEMBANGUNKAN BAKAT SUKAN AKAR UMBI**

## 4 STRATEGI

1 Melibatkan Masyarakat Dalam Aktiviti Sukan
2. Mengenal pasti Bakat Sukan
3. Meningkatkan Latihan Dan Kemahiran Serta Akreditasi Dalam Sukan
4. Memperluaskan Jaringan Kerjasama Multi-sektoral Dalam Pelaksanaan Program Sukan

# 19 Inisiatif Utama

## TERAS STRATEGIK 1 MEMBUDAYAKAN SUKAN DAN MEMBANGUNKAN BAKAT SUKAN AKAR UMBI

| **Strategi 1**<br><br>Melibatkan Masyarakat Dalam Aktiviti Sukan | **Strategi 2**<br><br>Mengenal pasti Bakat Sukan | **Strategi 3**<br><br>Meningkatkan Latihan Dan Kemahiran Serta Akreditasi Dalam Sukan | **Strategi 4**<br><br>Memperluaskan Jaringan Kerjasama Multi-sektoral Dalam Pelaksanaan Program Sukan |
|---|---|---|---|
| **7 INISIATIF** | **4 INISIATIF** | **3 INISIATIF** | **5 INISIATIF** |
| 1. Hari Sukan Negara<br>2. Fit Malaysia<br>3. Karnival Penggalakan Sukan<br>4. Karnival Sukan Kecergasan<br>5. Karnival Sukan Rekreasi<br>6. Karnival Sukan OKU<br>7. Pembangunan Sukan Baharu/*Modified Sports* | 1. Pencarian Bakat Sukan<br>2. Liga Sukan<br>3. Liga Tunas Malaysia/ Liga IPT<br>4. Liga Sukan OKU | 1. Latihan Dan Kemahiran Umum<br>2. Latihan Dan Kemahiran Kepada Kumpulan Khusus<br>3. Akreditasi Pentauliahan | 1. Persidangan Sukan Untuk Semua<br>2. Penubuhan Majlis Sukan Untuk Semua<br>3. Penyelidikan-Kajian Impak Pembudayaan Sukan<br>4. *Traditional Sports Games*<br>5. Pengupayaan Pertubuhan Melalui Pemberian Insentif Bantuan Program |

| STRATEGI 1 | Melibatkan Masyarakat Dalam Aktiviti Sukan |
|---|---|
| OBJEKTIF | Menjadikan Gaya Hidup Aktif Sebagai Sebahagian Budaya Masyarakat Malaysia Menerusi Penyertaan Dalam Aktiviti Sukan Untuk Semua |

Sukan Untuk Semua merujuk kepada aktiviti kecergasan, rekreasi dan sukan berlaku secara spontan yang melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat tanpa sebarang sekatan. Ia bertujuan untuk menarik minat penyertaan ramai dalam aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan. Perancangan dan pelaksanaannya adalah ke arah mencapai objektif untuk membentuk satu masyarakat yang berbudaya sukan, aktif, meningkatkan kualiti hidup dan menyokong pembangunan peribadi yang sesuai dengan nilai-nilai dan norma melalui budaya sukan yang dicita-citakan oleh Kerajaan dan masyarakat Malaysia.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 1. HARI SUKAN NEGARA | PERATUSAN PENYERTAAN | 10% PENINGKATAN (*BASELINE*: 3.3 JUTA PENYERTAAN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 2. FIT MALAYSIA<br>• JELAJAH FIT MALAYSIA<br>• *FIT@COMMUNITY*<br>• *FIT AND ACTIVE*<br>• *FIT FOR LIFE*<br>• *FIT AND ACTIVE FAMILY*<br>• *FIT FOREVER*<br>• *FRESH2FIT*<br>• *LET'S GET FIT*<br>• *WALK FOR LIFE* | PERATUSAN PENYERTAAN | 15% PENINGKATAN (*BASELINE*: 10,000 PENYERTAAN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 3. KARNIVAL SUKAN KECERGASAN | PERATUSAN PENYERTAAN<br><br>PERATUSAN PENYERTAAN WANITA | 10% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 10,000 PENYERTAAN)<br><br>40% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 4,000 PENYERTAAN) | 2023-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI |

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 4. KARNIVAL PENGGALAKAN SUKAN<br>• KARNIVAL SUKAN TRADISIONAL<br>• KARNIVAL SUKAN PPR<br>• KARNIVAL SUKAN LUAR BANDAR<br>• KARNIVAL SUKAN WAJADIRI | PERATUSAN PENYERTAAN<br><br>PERATUSAN PENYERTAAN WANITA<br><br>PERATUSAN PENYERTAAN LUAR BANDAR | 15% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 50,000 PENYERTAAN)<br><br>30% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 15,000 PENYERTAAN)<br><br>5% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 2,500 PENYERTAAN) | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 5. KARNIVAL SUKAN REKREASI<br>• KARNIVAL SUKAN BERMOTOR<br>• KARNIVAL SUKAN EKSTREM<br>• KARNIVAL SUKAN AIR/UDARA | PERATUSAN PENYERTAAN<br><br>PERATUSAN PENYERTAAN WANITA | 15% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 10,000 PENYERTAAN)<br><br>10% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 1,000 PENYERTAAN) | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 6. KARNIVAL SUKAN OKU | PERATUSAN PENYERTAAN<br><br>PERATUSAN PENYERTAAN WANITA | 15% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 3,000 PENYERTAAN)<br><br>10% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 1,000 PENYERTAAN) | 2023-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI |
| 7. PEMBANGUNAN SUKAN BAHARU / *MODIFIED SPORTS* | BILANGAN PROGRAM | SATU PROGRAM SETAHUN | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI |

| STRATEGI 2 | Mengenal Pasti Bakat Sukan |
|---|---|
| OBJEKTIF | Menyediakan *Pool Of Talent* Dalam Pelbagai Bidang Sukan Melalui Inisiatif Pembangunan Bakat Sukan Di Peringkat Akar Umbi |

Tindakan ke arah pembangunan bakat sukan dijalankan secara berterusan agar kesinambungan bakat baharu sesuatu sukan tidak pupus. Pengenalpastian bakat sukan merupakan suatu proses yang berstruktur di mana asas kepada pencarian bakat sukan tersebut bermula daripada program dan aktiviti sukan untuk semua di peringkat akar umbi. Pencarian bakat sukan ini menjadi salah satu tanggungjawab jabatan untuk terus meneroka bakat-bakat anak muda bermula di peringkat sekolah. Bakat-bakat baharu ini akan disalurkan kepada organisasi yang berkepakaran dalam membentuk bakat baharu menjadi atlet pelapis dan seterusnya di asah potensinya menjadi atlet harapan negara ke peringkat antarabangsa. Justeru, program-program pembangunan bakat sukan akar umbi telah dirangka melibatkan keseluruhan ekosistem dan peringkat komuniti.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 1. PENCARIAN BAKAT SUKAN BAHARU<br>• KEM BAKAT BADMINTON<br>• PROGRAM *INSPIRE ITALENT*<br>• PERTANDINGAN SUKAN MENDAKI<br>• MYFIT@MOTOR SPORTS<br>• PERSIAPAN PARA SUKMA<br>• *SYNERGY INSPIRE* (OKU) | PERATUSAN BAKAT BAHARU YANG DIKENALPASTI | 10% PENINGKATAN<br>(*BASELINE*: 1,000 BAKAT) | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |
| 2. LIGA SUKAN<br>• *MALAYSIA SPORTS LEAGUE* (MSL)<br>• 1000 LIGA | PERATUSAN BAKAT BAHARU YANG DIKENALPASTI | 10% PENINGKATAN<br>(*BASELINE*: 1,000 BAKAT) | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |
| 3. LIGA TUNAS MALAYSIA/ LIGA IPT | BILANGAN BAKAT SUKAN DIKENAL PASTI | 1,000 ORANG SETAHUN | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |
| 4. LIGA SUKAN OKU | BILANGAN BAKAT OKU DIKENAL PASTI | 30 ORANG SETAHUN | 2023-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |

| STRATEGI 3 | Meningkatkan Latihan Dan Kemahiran Serta Akreditasi Dalam Sukan |
|---|---|
| OBJEKTIF | Mengoptimakan Keilmuan Dan Kemahiran Dalam Bidang Sukan Dan Rekreasi Untuk Melahirkan Lebih Ramai Pakar Rujuk Dan Penggerak Sukan Dan Rekreasi Yang Bertauliah |

Kepakaran dan kemahiran sukan amat penting untuk diaplikasikan kepada pengamal sukan yang sentiasa bergiat aktif dalam dunia sukan. Malah, keupayaan mereka sering digunakan oleh komuniti sebagai jurulatih, pakar rujuk, instruktur, penggerak sukan dan sebagainya kerana mempunyai kecekapan, kemahiran, pengetahuan yang tinggi dalam sesuatu bidang sukan yang dipelopori. Justeru, dalam menyediakan pendidikan dan mengangkat pengamal sukan ini ke suatu tahap yang diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa, jabatan telah merangka tindakan strategi bagi memastikan produktiviti pembangunan sukan untuk semua sentiasa dipertingkatkan dan bersifat *future-ready.*

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 1. LATIHAN DAN KEMAHIRAN UMUM<br>• *BICYCLE EDUCATIONAL SAFETY TRAINING* (BEST)<br>• *RUNNING EDUCATIONAL SKILL TRAINING* (REST)<br>• *SWIM WITH IRON MAN* (S.W.I.M)<br>• KURSUS *INTRODUCTION TO SPORTS MASSAGE*<br>• KURSUS PENGURUSAN GIMNASIUM RAKYAT<br>• BENGKEL PENGGERAK SUKAN OKU<br>• KURSUS ASAS BAHASA ISYARAT<br>• KURSUS SUKARELAWAN OKU AKTIF | PERATUSAN PENYERTAAN PESERTA<br><br>PERATUSAN PENYERTAAN PEGAWAI | 20% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 200 PENYERTAAN)<br><br>20% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 50 PENYERTAAN) | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |
| 2. LATIHAN DAN KEMAHIRAN KEPADA KUMPULAN KHUSUS<br>• KURSUS ASAS INSTRUKTUR SENAMROBIK OKU | PERATUSAN PENYERTAAN GOLONGAN OKU | 10% PENINGKATAN PENYERTAN (*BASELINE*: 60 PENYERTAAN) | 2023-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |
| 3. AKREDITASI PENTAULIAHAN:<br>• *MASTER TRAINER*<br>• TAHAP 1<br>• TAHAP 2<br>• TAHAP 3<br>• KATEGORI OKU | BILANGAN ORANG (*MASTER TRAINER*)<br><br>BILANGAN ORANG (TAHAP 1 DAN TAHAP 2)<br><br>BILANGAN GOLONGAN OKU | 30 ORANG SETIAP TAHUN<br><br>150 ORANG SETIAP TAHUN<br><br>30 ORANG SETIAP TAHUN | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |

| STRATEGI 4 | Memperluaskan Jaringan Kerjasama Multi-Sektoral Dalam Pelaksanaan Program Sukan |
|---|---|
| OBJEKTIF | Memperkasakan Budaya Sukan Melalui Perkongsian Pintar Di Pelbagai Peringkat Bersama Rakan Strategik Pembangunan Sukan Untuk Semua |

Pembangunan sukan untuk semua tidak digerakkan secara silo malah memerlukan sistem sokongan daripada pelbagai rakan strategik atas nilai untuk mengintegrasikan sumber yang ada secara bersama. Kerjasama strategik yang dilaksanakan adalah untuk memenuhi kehendak dan keperluan *stakeholders* di samping memperakui akan kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh rakan strategik dalam melengkapkan ekosistem pembangunan sukan untuk semua di negara ini. Keperluan pembangunan penyelidikan dan keilmuan, pengupayaan rakan strategik dan kerjasama peringkat antarabangsa amat ditekankan di bawah strategi ini.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 1. PERSIDANGAN SUKAN UNTUK SEMUA | BILANGAN PERSIDANGAN | 1 PERSIDANGAN SETAHUN | 2021-2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN |
| 2. PENUBUHAN MAJLIS SUKAN UNTUK SEMUA | BILANGAN PENUBUHAN | 1 PENUBUHAN | 2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN |
| 3. PENYELIDIKAN - KAJIAN IMPAK PEMBUDAYAAN SUKAN | BILANGAN KAJIAN | 1 KAJIAN | 2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN |
| 4. *TRADITIONAL SPORTS GAMES (ASEAN)* | BILANGAN PENGANJURAN<br><br>BILANGAN NEGARA BERTANDING | 1 PENGANJURAN<br><br>10 NEGARA ASEAN | 2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN |
| 5. PENGUPAYAAN PERTUBUHAN MELALUI PEMBERIAN INSENTIF BANTUAN PROGRAM | PERATUSAN PERTUBUHAN SUKAN DIUPAYA | 20% PENINGKATAN PENGUPAYAAN (*BASELINE*: 200 PERTUBUHAN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |

# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

TERAS STRATEGIK

2

**MEMPERKUKUHKAN KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA**

## 4 STRATEGI

1. Memperkasakan Ekonomi Belia
2. Menyerlahkan Kepemimpinan Belia
3. Menggalakkan Pembangunan Sosial Dan Pengantarabangsaan Belia
4. Mengukuhkan Kerjasama Strategik Bersama Pemegang Taruh

# 25 Inisiatif Utama

TERAS STRATEGIK 2

## MEMPERKUKUHKAN KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA

| Strategi 1<br><br>Memperkasakan Ekonomi Belia | Strategi 2<br><br>Menyerlahkan Kepemimpinan Belia | Strategi 3<br><br>Menggalakkan Pembangunan Sosial Dan Pengantarabangsaan Belia | Strategi 4<br><br>Mengukuhkan Kerjasama Strategik Bersama Pemegang Taruh |
|---|---|---|---|
| **8 INISIATIF** | **7 INISIATIF** | **8 INISIATIF** | **2 INISIATIF** |
| **PENCIPTAAN PEKERJAAN**<br>1. *Youth career*<br>2. Skim Perantisan Nasional<br>3. Webinar Kerjaya<br>4. Perantis Agro NEET (PAN)<br>5. *Youth Employment Opportunity Programme* (YEOP)<br><br>**KEUSAHAWANAN**<br>6. Kursus Keusahawanan<br>7. Keusahawanan Sosial<br>8. Keusahawanan Digital | **KEPIMPINAN ELIT**<br>1. Felo Perdana dan Felo Korporat<br>2. Parlimen Belia Malaysia<br><br>**TRANSISI KEPIMPINAN**<br>3. Kursus Pengurusan Organisasi (KPO)<br>4. *Lead The Leaders*<br><br>**PEMANTAPAN MODUL PEMBELAJARAN**<br>5. Pembangunan Modul Kejurulatihan Belia<br><br>**PENGIKTIRAFAN**<br>6. Anugerah Perdana Belia Negara (APBN)<br>7. Profesionalisme Kerja Belia | 1. Hari Belia Negara<br>2. Kapal Layar Diraja Tunas Samudera<br>3. Intervensi Sosial "Belia Sejahtera"<br>4. Kerohanian<br>5. Majlis Perundingan Belia Negara<br>6. Program Intelektual Antarabangsa<br>7. Program Pertukaran Belia Antarabangsa<br>8. Penyediaan Dokumen Rujukan/Sokongan Pembangunan Belia | **PENYELIDIKAN**<br>1. Kajian Impak Program Pembangunan Belia<br><br>**PEMERKASAAN PERTUBUHAN BELIA**<br>2. Pengupayaan Pertubuhan Melalui Pemberian Insentif Bantuan Pentadbiran & Program |

| STRATEGI 1 | Memperkasakan Ekonomi Belia |
|---|---|
| OBJEKTIF | Menyokong Ekosistem Ekonomi Melalui Peningkatan Pembudayaan Dan Penyertaan Belia Dalam Inisiatif Peluang Dan Penciptaan Pekerjaan, Keusahawanan, Keusahawanan Sosial Dan Ekonomi Digital |

Inisiatif pemerkasaan ekonomi belia ialah untuk menangani masalah pengangguran, miskin bandar dan luar bandar, sosial, kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Inisiatif-inisiatif yang dirancang di bawah strategi ini adalah untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup belia melalui penjanaan ekonomi. Ia merangkumi program-program penciptaan dan peluang pekerjaan meliputi bidang keusahawanan, keusahwanan sosial, agromakanan, ekonomi digital serta pembangunan kemahiran *(upskilling, reskilling dan crosskilling)* termasuk program pembangunan kapasiti *(capacity building)* bagi meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran belia.

Melalui program-program pemerkasaan ekonomi belia yang dirangka dapat menyumbang impak positif ke arah pembangunan belia yang berdaya saing seterusnya memperkasa dan memperkukuh kualiti kesejahteraan hidup belia.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **PENCIPTAAN PEKERJAAN** | | | | |
| 1. *YOUTH CAREER* | PERATUSAN BELIA MENDAPAT PELUANG PEKERJAAN<br><br>PERATUS PENYERTAAN | 5% PENINGKATAN (*BASELINE*: 8,000 ORANG)<br><br>5% PENINGKATAN (*BASELINE*: 8,000 PENYERTAAN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA, BATU GAJAH<br>• JBS NEGERI |
| 2. SKIM PERANTISAN NASIONAL (SPN) | BILANGAN BELIA MENDAPAT PEKERJAAN | 5,000 ORANG BELIA | 2021 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA, BATU GAJAH<br>• JBS NEGERI |
| 3. WEBINAR KERJAYA (*VIRTUAL*)<br>• JOM CIPTA KERJA<br>• *INSPIRE* KERJAYA AGRO | PERATUS PENYERTAAN | 50% PENINGKATAN PENYERTAAN (*BASELINE*: 5,000 ORANG) | 2021 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI |

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 4. PERANTIS AGRO NEET (PAN) | BILANGAN PERANTIS MENDAPAT PENEMPATAN PEKERJAAN DALAM SEKTOR AGROMAKANAN | 2023 – 30 ORANG<br>2024 – 40 ORANG<br>2025 – 50 ORANG | 2023-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI |
| 5. *YOUTH EMPLOYMENT OPPORTUNITY PROGRAMME* (YEOP) | BILANGAN PERANTIS YANG MENDAPAT PENEMPATAN PEKERJAAN | 2023 – 30 ORANG<br>2024 – 40 ORANG<br>2025 – 50 ORANG | 2023-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI |
| **KEUSAHAWANAN** | | | | |
| 6. KURSUS KEUSAHAWANAN<br>• *MYPRENEUR@APBMBG*<br>• KURSUS TEKNIKAL BELIA TANI (*YOUTH AGROTECH*)<br>• *AGRO YOUTH TRADEMARK DO IT YOURSELF*<br>• KURSUS REKABENTUK PEMBUNGKUSAN PELABELAN PRODUK | PERATUSAN BELIA YANG MENDAPAT KEMAHIRAN | 10% PENINGKATAN<br>(*BASELINE*: 3,000 PENYERTAAN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA, BATU GAJAH<br>• JBS NEGERI |
| 7. KEUSAHAWANAN SOSIAL<br>• *SOCIAL ENTREPRENEURSHIP FOR RURAL YOUTH* (SERY)<br>• *FACING UP WITH SOCIAL ENTREPRENEUSHIP* (FUSE) | BILANGAN PROJEK KEUSAHAWANAN SOSIAL YANG DIHASILKAN | 5 PROJEK SETIAP TAHUN | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA, BATU GAJAH<br>• JBS NEGERI |
| 8. KEUSAHAWANAN DIGITAL<br>• PROGRAM EKONOMI DIGITAL<br>• *MYGIG* (*DIGITAL FREELANCE & MYGIG SERVICE*) | PERATUSAN BELIA YANG MENDAPAT KEMAHIRAN DIGITAL | 10% PENINGKATAN<br>(*BASELINE*: 3,000 PENYERTAAN) | 2021-2022 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA, BATU GAJAH<br>• JBS NEGERI |

| STRATEGI 2 | Menyerlahkan Kepemimpinan Belia |
|---|---|
| OBJEKTIF | Mempersiapkan Barisan Pemimpin Belia Masa Hadapan Yang Berwibawa Dan Berdaya Saing |

Belia merupakan tunjang dan penentu masa hadapan negara. Bakat kepimpinan perlu diasah dan diperkukuhkan secara berterusan dalam memastikan negara sentiasa melahirkan bakat kepimpinan muda aras tinggi. Pelaksanaan tindakan di bawah strategi ini amat menekankan aspek dalam melahirkan belia-belia di pelbagai peringkat yang mewakili 8 Kumpulan Sasaran Belia diserlahkan potensinya ke arah yang lebih positif. Justeru, penekanan ini diperkasakan melalui program pengukuhan pembangunan kepimpinan dan sahsiah bagi membina kekuatan diri, institusi keluarga dan kemasyarakatan supaya generasi belia dapat memainkan peranan dengan lebih progresif.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **KEPIMPINAN ELIT** | | | | |
| 1. FELO PERDANA DAN FELO KORPORAT | BILANGAN PENEMPATAN BELIA | 100 ORANG SETIAP TAHUN | 2021-2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA |
| 2. PARLIMEN BELIA MALAYSIA | BILANGAN PELANTIKAN AHLI | 153 ORANG SETIAP SESI (2 TAHUN) | 2022 & 2024 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |
| **TRANSISI KEPIMPINAN** | | | | |
| 3. KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI (KPO) | PERATUS PENYERTAAN BELIA BERPERSATUAN | 10% PENINGKATAN PENYERTAAN<br>(*BASELINE*: 2,000 PENYERTAAN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |
| 4. *LEAD THE LEADERS* | PERATUS PENYERTAAN BELIA BERPERSATUAN | 10% PENINGKATAN PENYERTAAN<br>(*BASELINE*: 150 PENYERTAAN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **PEMANTAPAN MODUL PEMBELAJARAN**<br><br>5. PEMBANGUNAN/ PENGEMASKINIAN MODUL KEJURULATIHAN BELIA | BILANGAN MODUL YANG DIBANGUNKAN/ DIKEMASKINI | 3 MODUL SETAHUN | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA, PORT DICKSON |
| **PENGIKTIRAFAN**<br><br>6. ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA (APBN) | BILANGAN PEMENANG ANUGERAH | 15 PEMENANG | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI |
| **PEMBANGUNAN KERJA BELIA**<br><br>7. PROFESIONALISME KERJA BELIA | PERATUSAN PEKERJA BELIA YANG DITAULIAH | 10% PENINGKATAN<br>(*BASELINE*: 30 ORANG YANG DITAULIAH) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |

| STRATEGI 3 | Menggalakkan Pembangunan Sosial Dan Pengantarabangsaan Belia |
|---|---|
| OBJEKTIF | Memperkasakan Inisiatif Agenda Pemerkasaan Sosial Belia Ke Arah Menyokong Kesejahteraan Komuniti Dan Melahirkan Belia Bertaraf Global |

Golongan belia memerlukan platform dalam mengetengahkan pandangan, suara dan idea bernas mereka dalam pelbagai bidang. Justeru, penyediaan ruang dan peluang amat dinanti-nantikan oleh golongan belia agar aspirasi yang diilhamkan didengari dan disambut oleh kerajaan. Selain itu, golongan ini juga perlu sentiasa digembleng tenaganya ke aras aktiviti yang positif daripada mengelakkan mereka terjerumus dalam aktiviti yang tidak bermoral. Sehubungan itu, pelaksanaan program-program berfokuskan kepada kesejahteraan dan kualiti hidup belia berdasarkan pendekatan dan penerapan elemen intervensi sosial, kerohanian dan penglibatan belia dalam aspek pembangunan sosial, komunikasi, patriotisme, sosiobudaya dan elemen kemanusiaan menerusi pelaksanaan program di peringkat tempatan dan antarabangsa dititikberatkan di bawah strategi ini.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 1. HARI BELIA NEGARA | BILANGAN AKTIVITI DILAKSANAKAN | 2021 – 200 AKTIVITI<br>2022 – 210 AKTIVITI<br>2023 – 220 AKTIVITI<br>2024 – 230 AKTIVITI<br>2025 – 240 AKTIVITI | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |
| | PERATUSAN PENYERTAAN | 20% PENINGKATAN<br>(*BASELINE*: 43,000 PENYERTAAN) | | |
| 2. KAPAL LAYAR DIRAJA TUNAS SAMUDERA | BILANGAN PESERTA BERJAYA DIPILIH | 72 ORANG PESERTA SETIAP TAHUN | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI |
| 3. KEROHANIAN<br>• MUNAJAT ANAK MUDA<br>• MUSABAQAH AL-QURAN VIRTUAL<br>• FIT MASJID | BILANGAN PENYERTAAN BELIA | 2022 – 10,000<br>2023 – 11,000<br>2024 – 12,000<br>2025 – 13,000 | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 4. INTERVENSI SOSIAL "BELIA SEJAHTERA"<br>• KEM ANAK MUDA (KAMU)<br>• BELIA MENCEGAH EKSTRIMISME<br>• PROJEK REBEN KUNING<br>• DARI BELIA UNTUK BELIA | BILANGAN BELIA YANG DIKENAL PASTI | 2022 - 6,000 ORANG<br>2023 - 7,000 ORANG<br>2024 - 8,000 ORANG<br>2025 - 9,000 ORANG | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/ PBSB/ PBSK |
| 5. MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA | BILANGAN USUL | 4 USUL DIBAHASKAN DI PERINGKAT KEBANGSAN SETIAP TAHUN | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• JBS NEGERI |
| 6. PROGRAM INTELEKTUAL ANTARABANGSA<br>• SEMINAR<br>• FORUM<br>• PERSIDANGAN<br>• KEM PEMILIHAN PESERTA BELIA | PERATUS PENYERTAAN BELIA BERJAYA MEWAKILI NEGARA | 5% PENINGKATAN<br>(*BASELINE*: 100 PENYERTAAN) | 2021-2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA |
| 7. PROGRAM PERTUKARAN BELIA<br>• KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN (SSEAYP) | BILANGAN PESERTA BERJAYA DIPILIH | 29 ORANG PESERTA SETIAP TAHUN | 2021-2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA |
| 8. PENYEDIAAN DOKUMEN RUJUKAN/ SOKONGAN PEMBANGUNAN BELIA<br>CTH: GARIS PANDUAN BELIA MEMBANTERAS PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN | BILANGAN DOKUMEN YANG DIHASILKAN | 1 DOKUMEN SETIAP TAHUN | 2022-2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA |

| STRATEGI 4 | Mengukuhkan Kerjasama Strategik Bersama Pemegang Taruh |
|---|---|
| OBJEKTIF | Memperluaskan Platform Agenda Pembangunan Dan Pemerkasaan Belia Menerusi Peningkatan Kolaboratif Strategik Bersama Kumpulan Pelaksana Belia |

10 Kumpulan Pelaksana Pembangunan Belia merupakan rakan strategik utama dalam memantapkan dan memperkasakan golongan belia di negara ini. Justeru, jabatan sentiasa menekankan konsep kolobaratif strategik bersama agensi persekutuan, kementerian, kerajaan negeri, pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan-pertubuhan belia dan penyelidik akademik di dalam pelaksanaan program-program pembangunan belia dalam memastikan kebersamaan hala tuju, aspirasi dan sumber kepakaran digembleng secara bersepadu dalam menyerlahkan potensi dan kebolehan golongan belia ke peringkat yang tertinggi.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **PENYELIDIKAN** | | | | |
| 1. KAJIAN IMPAK PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA | BILANGAN KAJIAN | 1 KAJIAN SETIAP 2 TAHUN | 2023,2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA |
| **PEMERKASAAN PERTUBUHAN BELIA** | | | | |
| 2. PENGUPAYAAN PERTUBUHAN MELALUI PEMBERIAN INSENTIF BANTUAN PENTADBIRAN & PROGRAM (INISIATIF INI SELARAS DENGAN AKTA PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA 2007, SEKSYEN 49) | BILANGAN PERTUBUHAN BELIA DIUPAYAKAN | 2021 - 200<br>2022 - 250<br>2023 - 300<br>2024 - 350<br>2025 - 400 | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/ PBSK |

# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

TERAS STRATEGIK

3

**MENYERLAHKAN POTENSI DAN MEMBUDAYAKAN KESUKARELAWANAN GENERASI MUDA**

## 3 STRATEGI

1. Memantapkan Ekosistem Penyerlahan Potensi dan Kesukarelawanan
2. Membangunkan Sistem Pengurusan Data dan Menambahbaik Mekanisme Penyampaian
3. Memperluaskan Jaringan Kerjasama Bersama Rakan Strategik Dalam Pelaksanaan Inisiatif

## 23 Inisiatif Utama

# MENYERLAHKAN POTENSI DAN MEMBUDAYAKAN KESUKARELAWANAN GENERASI MUDA

| Strategi 1<br><br>Memantapkan Ekosistem Penyerlahan Potensi Dan Kesukarelawanan | Strategi 2<br><br>Membangunkan Sistem Pengurusan Data Dan Menambahbaik Mekanisme Penyampaian | Strategi 3<br><br>Memperluaskan Memperluas Jaringan Kerjasama Bersama Rakan Strategik Dalam Pelaksanaan Inisiatif |
|---|---|---|
| **14 INISIATIF** | **4 INISIATIF** | **5 INISIATIF** |
| **PENYERLAHAN POTENSI & PEMBANGUNAN KARAKTER**<br>1. Rakan Muda Aktif<br>2. Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM)<br>3. Rakan Muda *Exxo Camp*<br>4. Rakan Muda Ramadan<br>5. Rakan Muda *Comfort Room*<br>6. Program Advokasi Kesihatan Mental Belia<br><br>**KESUKARELAWANAN & JATI DIRI**<br>7. MYCORPS (Program Kesukarelawanan Belia Malaysia Antarabangsa)<br>8. Inisiatif Kesukarelawanan<br>9. Hari Kesukarelawanan Belia Malaysia (HKBM)<br>10. Rakan Muda *Day Out* (RMDO)<br>11. *ASEAN International Youth Volunteer Program*<br>12. Rakan Muda Prihatin<br><br>**PEMANTAPAN MODUL**<br>13. Modul Pemimpin ARPRM<br>14. Modul Inisiatif Sukarelawan Belia Nasional (BENA) | **PENGURUSAN DATA**<br>1. Sistem Pengurusan Data Sukarelawan Rakan Muda<br>2. Sistem ARPRM<br><br>**INTERAKSI SOSIAL**<br>3. Rakan Muda *Live*<br>4. Webinar Rakan Muda | **PENGUKUHAN KERJASAMA STRATEGIK**<br>1. Badan Operasi (BO) ARPRM<br>2. Pengupayaan Pertubuhan/ Kelab Melalui Pemberian Insentif Bantuan Program<br>3. Program/ Konvensyen/ Simposium/ Bengkel Rakan Muda<br><br>**PENYELIDIKAN**<br>4. Kajian ARPRM<br>5. Kajian Inisiatif Sukarelawan Anak Malaysia (SATRIA) |

| STRATEGI 1 | Memantapkan Ekosistem Penyerlahan Potensi Dan Kesukarelawanan |
|---|---|
| OBJEKTIF | Meningkatkan Penglibatan Bagi Menggilap Bakat Anak Muda Secara Optimum Dalam Aspek Penyerlahan Potensi, Pembangunan Karakter Dan Kesukarelawanan |

Semangat kesukarelawanan merupakan elemen penting dalam membentuk jati diri dan potensi diri belia ke arah kehidupan yang positif. Jabatan menerusi inisiatif Rakan Muda mempertingkatkan usaha memperbanyakkan program kesukarelawanan kepada generasi muda untuk terus dipupuk agar mereka mempunyai rasa kemanusiaan *(sympathy dan empathy)*. Program yang digarapkan menekankan aspek penyerlahan bakat dan kebolehan anak muda dalam pelbagai aspek dan menjadikan semangat kesukarelawanan sebagai gaya hidup generasi muda. Aspek yang dititik beratkan ialah inisiatif dalam membantu memperkasakan komuniti menerusi kerja-kerja sukarela berbentuk khidmat kebajikan dan masyarakat tanpa sebarang diskriminasi iaitu semua individu yang memerlukan berhak dibantu. Sokongan inisiatif sukarelawanan ini juga berupaya memberi impak dalam membantu meningkatkan sosio ekonomi masyarakat.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **PENYERLAHAN POTENSI & PEMBANGUNAN KARAKTER** | | | | |
| 1. RAKAN MUDA AKTIF | BILANGAN PENGLIBATAN BELIA MASSA | 2021 - 400<br>2022 - 19,890<br>2023 - 19,989<br>2024 - 20,088<br>2025 - 20,188<br>(80,555 – 5 TAHUN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 2. ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA (ARPRM) | BILANGAN PESERTA BERJAYA DITAULIAH (TAHAP EMAS) | 2021 - 100<br>2022 - 150<br>2023 - 200<br>2024 - 250<br>2025 - 300<br>(1,000 - 5 TAHUN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 3. RAKAN MUDA *EXXO CAMP* | PERATUSAN PENGLIBATAN BELIA BERISIKO | 35% PENINGKATAN SETIAP TAHUN | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• PBSD/PBSB/PBSK |

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 4. RAKAN MUDA RAMADAN | BILANGAN PENGLIBATAN BELIA | 2021 - 1,400<br>2022 - 5,320<br>2023 - 5,370<br>2024 - 5,420<br>2025 - 5,470<br>(22,980 – 5 TAHUN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 5. RAKAN MUDA *COMFORT ROOM* | BILANGAN FASILITI DIWUJUDKAN | 2021 - 1<br>2022 - 6<br>2023 - 3<br>2024 - 2<br>2025 - 3<br>(15 – 5 TAHUN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI |
| 6. PROGRAM ADVOKASI KESIHATAN MENTAL BELIA | BILANGAN PENGLIBATAN PESERTA | 2021 - 26<br>2022 - 120<br>2023 - 150<br>2024 - 180<br>2025 - 210<br>(686- 5 TAHUN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI |
| **KESUKARELAWANAN & JATI DIRI**<br><br>7. *MYCORPS* (PROGRAM KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA ANTARABANGSA) | BILANGAN PEMIMPIN SUKARELAWAN BELIA YANG DILAHIRKAN | 40 ORANG SETIAP TAHUN<br>(160 – 4 TAHUN) | 2022-2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA |
| 8. INISIATIF KESUKRELAWANAN<br>- BENA (SUKARELAWAN BELIA NASIONAL)<br>- SATRIA (SKUAD SUKARELAWAN ANAK MALAYSIA | BILANGAN SUKARELAWAN BELIA YANG DIIKTIRAF PADA TAHAP LANJUTAN | 2022 - 10 ORANG<br>2023 - 10 ORANG<br>2024 - 15 ORANG<br>2025 - 15 ORANG<br>(50-4 TAHUN) | 2022-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA |

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 9. HARI KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA (HKBM) | PERATUSAN PENGLIBATAN BELIA | 30% PENINGKATAN<br>(*BASELINE*: 1,000 ORANG) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 10. RAKAN MUDA *DAY OUT* (RMDO) | BILANGAN PROJEK KHIDMAT MASYARAKAT | 2021 - 248<br>2022 - 248<br>2023 - 372<br>2024 - 372<br>2025 - 496<br>(1,736 – 5 TAHUN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 11. *ASEAN INTERNATIONAL YOUTH VOLUNTEER PROGRAM* | BILANGAN PENYERTAAN NEGARA ASEAN | 10 NEGARA | 2022 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA |
| 12. RAKAN MUDA PRIHATIN | BILANGAN PELAKSANAAN PROJEK / BANTUAN | 2021 - 6<br>2022 - 10<br>2023 - 10<br>2024 - 12<br>2025 - 12<br>(50 – 5 TAHUN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 13. MODUL ARPRM | BILANGAN MODUL DISEMAK SEMULA | 1 MODUL | 2022 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI |
| 14. MODUL BENA | BILANGAN MODUL DIHASILKAN | 1 MODUL | 2022 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI |

| STRATEGI 2 | Membangunkan Sistem Pengurusan Data Dan Menambahbaik Mekanisme Penyampaian |
|---|---|
| OBJEKTIF | Menambah Baik Tadbir Urus Operasi Dan Data Dengan Lebih Sistematik Serta Meningkatkan Kebolehcapaian Terhadap Kumpulan Sasaran |

Pemantapan pengurusan jabatan antaranya melalui sistem pengurusan data yang cemerlang. Pengurusan sukarelawan seluruh negara perlu ditambahbaik seiring ledakan teknologi canggih bergerak pantas yang mengkehendaki data-data sukarelawan diurus dengan lebih sistematik. Selain itu, penekanan ke atas aspek penyampaian berkesan kepada pemegang taruh menerusi program interaksi sosial menjadi keutamaan agar medium yang diketengahkan dapat disampaikan dan turut dirasai kepada kumpulan sasar.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **PENGURUSAN DATA** | | | | |
| 1. SISTEM PENGURUSAN DATA SUKARELAWAN RAKAN MUDA | BILANGAN DATA BAHARU SUKARELAWAN | 7,000 SETIAP TAHUN | 2021-2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA |
| 2. SISTEM ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA (ARPRM) | BILANGAN SISTEM | 1 SISTEM | 2022 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA |
| **INTERAKSI SOSIAL** | | | | |
| 3. RAKAN MUDA LIVE | BILANGAN CAPAIAN *(REACH)* | 2021 - 5,000<br>2022 - 5,000<br>2023 - 5,500<br>2024 - 6,000<br>2025 - 6,500<br>(28,000 – 5 tahun) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI |
| 4. PROGRAM WEBINAR RAKAN MUDA | BILANGAN CAPAIAN *(REACH)* | 2021 - 2,000<br>2022 - 2,000<br>2023 - 2,500<br>2024 - 2,500<br>2025 - 3,000<br>(12,000 – 5 tahun) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI |

| STRATEGI 3 | Memperluaskan Jaringan Kerjasama Bersama Rakan Strategik Dalam Pelaksanaan Inisiatif |
|---|---|
| OBJEKTIF | Memperkukuhkan Dan Memperluaskan Jaringan Sinergi Rakan Strategik Menerusi Pengintegrasian Sumber Dalam Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan |

Gerak tindak pembangunan dan pembudayaan sukarelawan kepada generasi muda tidak berlaku secara sendiri. Penekanan ke atas kerjasama pintar yang dijalankan sebelum ini diperkemaskan lagi menerusi strategi yang telah dikukuhkan tindakannya menerusi pemantapan penggerak sukarelawan, pengupayaan rakan strategik, penyelidikan dan program-program berbentuk intelektual. Sinergi yang dijalinkan berupaya meningkatkan peluang dalam menghasilkan tenaga sumber manusia daripada generasi muda yang cintakan bidang kesukarelawanan menerusi pengintegrasian sumber dan kepakaran yang ada secara bersama.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **PENGUKUHAN KERJASAMA STRATEGIK** | | | | |
| 1. BADAN OPERASI (BO) ARPRM | BILANGAN PENGHASILAN PESERTA TAHAP EMAS OLEH BO | 2021 - 41<br>2022 - 50<br>2023 - 70<br>2024 - 100<br>2025 - 120<br>(381- 5 TAHUN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| | PERATUSAN PENINGKATAN BO MENGHASILKAN PESERTA TAHAP EMAS | 20% PENINGKATAN BO SETIAP TAHUN<br>(*BASELINE*: 10 BUAH BO) | | |
| 2. PENGUPAYAAN PERTUBUHAN/ KELAB MELALUI PEMBERIAN INSENTIF BANTUAN PROGRAM | BILANGAN PERTUBUHAN/ KELAB DIUPAYA | 2021 - 41<br>2022 - 62<br>2023 - 67<br>2024 - 67<br>2025 - 72<br>(309 – 5 TAHUN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 3. SEMINAR/ KONVENSYEN/ SIMPOSIUM PEMERKASAAN RAKAN MUDA | BILANGAN SEMINAR/ KONVENSYEN/ SIMPOSIUM | 2021 - 1<br>2022 - 2<br>2023 - 2<br>2024 - 3<br>2025 - 3<br>(11 – 5 TAHUN) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI |
| **PENYELIDIKAN** | | | | |
| 4. KAJIAN INISIATIF KESUKARELAWANAN SATRIA | BILANGAN KAJIAN | 1 KAJIAN | 2024-2025 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA |
| 5. KAJIAN ARPRM | BILANGAN KAJIAN | 2 KAJIAN | 2021 | BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA |

# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

TERAS STRATEGIK

4

**MEMPERKASA TADBIR URUS DAN MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

## 4 STRATEGI

1. Memantapkan Pengurusan Kewangan
2. Mengukuhkan Pengurusan Sumber Manusia
3. Memantapkan Pentadbiran dan Pengurusan
4. Meningkatkan Pengurusan Fasiliti dan Pembangunan

# 24 Inisiatif Utama

## TERAS STRATEGIK 4 MEMPERKASA TADBIR URUS DAN MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN

| **Strategi 1**<br><br>Memantapkan Pengurusan Kewangan | **Strategi 2**<br><br>Mengukuhkan Pengurusan Sumber Manusia | **Strategi 3**<br><br>Memantapkan Pentadbiran dan Pengurusan | **Strategi 4**<br><br>Meningkatkan Pengurusan Fasiliti dan Pembangunan |
|---|---|---|---|
| **4 INISIATIF** | **3 INISIATIF** | **11 INISIATIF** | **6 INISIATIF** |
| 1. Indeks Akauntabiliti Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan<br>2. Laporan Ketidak akuran (NCR) Dalam Pengauditan MS ISO<br>3. Prestasi Perbelanjaan Tahunan<br>4. Tindakan Penyelesaian Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) | 1. Perjawatan-Penstrukturan Semula<br>2. Pentauliahan Kemahiran Belia dan Sukan<br>3. Pengauditan Pelaksanaan Dasar Pengurusan Sumber Manusia | 1. Kajian Kepuasan Pekerja<br>2. Pengurusan Pelanggan (Aduan)<br>3. Pematuhan Piagam Pelanggan<br>4. Pelan Antirasuah Jabatan (OACP)<br>5. Pengurusan Bantuan Program Bukan Profil Oleh Jawatankuasa<br>6. Pengurusan Bantuan Program Profil Oleh Jawatankuasa<br>7. Pemantapan dan Pemahaman Pelaksanaan Bantuan<br>8. Pelan Komunikasi Jabatan<br>9. Promosi<br>10. Logo Jabatan<br>11. Video Korporat | 1. Garis Panduan Pengurusan Fasiliti Belia dan Sukan JBSN<br>2. Penjanaan Hasil Fasiliti<br>3. Penggunaan prasarana Belia dan Sukan<br>4. Pembangunan dan Naik Taraf<br>5. Bina Baru<br>6. Penambahbaikan Sistem Pengurusan Fasiliti |

| STRATEGI 1 | Memantapkan Pengurusan Kewangan |
|---|---|
| OBJEKTIF | Memastikan Kaedah Pengurusan Kewangan Yang Berkuatkuasa Dipatuhi, Diurus Dan Dipantau Dengan Penuh Akauntabiliti Dan Berintegriti |

Kecekapan dalam pengurusan kewangan merupakan produktiviti yang diinginkan oleh setiap organisasi. Inisiatif yang digariskan merupakan usaha untuk meningkatkan prestasi dan akauntabiliti jabatan dalam membantu mengekalkan kecemerlangan menerusi aspek pengurusan sistem kewangan. Pematuhan setiap peraturan dan pekeliling tatacara kewangan yang berkuatkuasa petanda bahawa jabatan mengamalkan struktur pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan. Ia bagi meminimumkan kos, mengoptimumkan hasil dan servis, mengurangkan ketidakakuran, mencapai objektif organisasi dan dalam masa yang sama memberi impak serta keberhasilan yang tinggi kepada kumpulan sasar jabatan.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN** | | | | |
| 1. INDEKS AKAUNTABILITI TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN | PERATUSAN PENARAFAN | PENARAFAN 85% PENGAUDITAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA | 2021-2025 | BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN |
| 2. LAPORAN KETIDAK AKURAN (NCR) DALAM PENGAUDITAN MS ISO | PERATUSAN PENGAUDITAN | 20% PENGURANGAN KETIDAKAKURAN | 2021-2025 | BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN |
| 3. PRESTASI PERBELANJAAN TAHUNAN | PERATUSAN | 90% JABATAN NEGERI MENCAPAI PRESTASI PERBELANJAAN MELEBIHI 95% | 2021-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI |
| 4. TINDAKAN PENYELESAIAN KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) | PERATUSAN ISU DISELESAIKAN | 100% | 2021-2025 | BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN |

| STRATEGI 2 | Mengukuhkan Pengurusan Sumber Manusia |
|---|---|
| OBJEKTIF | Memperhebatkan Pengurusan Sumber Manusia Agar Lebih Komprehensif Dan Holistik Bagi Mengoptimumkan Kualiti Hasil Kerja |

Pembangunan modal insan organisasi amat dititik beratkan kerana tanpa mereka organisasi tidak dapat disempurnakan dengan jayanya. Sumber guna tenaga yang ada perlu diurus dengan cekap dan berkesan kerana mereka ialah kunci kepada sumbangan kejayaan dan pencapaian matlamat organisasi. Mereka dikenali sebagai 'aset' kepada organisasi. Oleh itu, inisiatif yang diketengahkan merangkumi keperluan guna tenaga yang optimum, meningkatkan keupayaan dan kepakaran serta tahap kompetensi yang diperlukan oleh setiap sumber manusia agar tenaga kerja yang ada berupaya memanisfestasikan misi, visi dan menggerakkan fungsi jabatan dengan jayanya.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **SUMBER MANUSIA** | | | | |
| 1. PENSTRUKTURAN SEMULA PERJAWATAN | PERJAWATAN DIISI | 95% PERJAWATAN DIISI (*BASELINE*: 1,293 PERJAWATAN) | 2020-2025 | BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN |
| 2. PENTAULIAHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN | BILANGAN PEGAWAI DITAULIAH | 10 PEGAWAI SETAHUN | 2020-2025 | BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN |
| 3. PENGAUDITAN PELAKSANAAN DASAR PENGURUSAN SUMBER MANUSIA | PERATUSAN PEMATUHAN | 100% | 2020-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI |

| STRATEGI 3 | Memantapkan Pentadbiran dan Pengurusan |
|---|---|
| OBJEKTIF | Mengukuhkan Pentadbiran Dan Pengurusan Pengoperasian Agar Lebih Cekap, Berkesan Dan Sistematik Berpandukan Peraturan Dan Pekeliling Yang Berkuatkuasa |

Kepentingan meningkatkan tahap pengurusan dan pentadbiran menjadi elemen penting dalam mengukuhkan urus tadbir jabatan. Pengkhususan pelaksanaan tindakan menjurus kepada aspek pengurusan dan pentadbiran pejabat, etika dan nilai integriti, kepuasan pelanggan, pengukuhan bantuan dan kewangan program, sosial korporat serta komunikasi dengan menggunakan sistem yang lebih sistematik bagi memastikan aspek pengurusan berada di tahap maksimum dan berkualiti tinggi.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **KHIDMAT PENGURUSAN** | | | | |
| 1. MELAKSANAKAN KAJIAN KEPUASAN PEKERJA | PERATUSAN KEPUASAN PEKERJA | 90% | 2021-2025 | BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN |
| 2. PENGURUSAN PELANGGAN (ADUAN) | PERATUSAN ADUAN DISELESAIKAN | 90% | 2021-2025 | BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN |
| 3. PEMATUHAN PIAGAM PELANGGAN | PERATUSAN PEMATUHAN | 100% | 2021-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI |
| **PENGUKUHAN NILAI INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI** | | | | |
| 4. PELAN ANTIRASUAH JABATAN (OACP) | BILANGAN DOKUMEN | 1 DOKUMEN | 2021 | BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN |

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **PEMERKASAAN NGO** | | | | |
| 5. PENGURUSAN BANTUAN PROGRAM BUKAN PROFIL YANG DIPERTIMBANGKAN OLEH JAWATANKUASA<br>- BAWAH RM10 RIBU<br>- BAWAH RM30 RIBU<br>- ATAS RM30 RIBU<br>- KUMPULAN WANG AMANAH SUKAN NEGARA | PERATUSAN KELULUSAN | • 80%<br>• 60%<br>• 60%<br>• 60% | 2021-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 6. PENGURUSAN BANTUAN PROGRAM PROFIL YANG DIPERTIMBANGKAN OLEH JAWATANKUASA<br>- BAWAH RM10 RIBU<br>- BAWAH RM30 RIBU<br>- ATAS RM30 RIBU<br>- KUMPULAN WANG AMANAH SUKAN NEGARA | PERATUSAN KELULUSAN | • 95%<br>• 95%<br>• 95%<br>• 95% | 2021-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN<br>• BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA<br>• BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA<br>• JBS NEGERI<br>• PBSD/PBSB/PBSK |
| 7. PEMANTAPAN DAN PEMAHAMAN PELAKSANAAN BANTUAN | PERATUSAN NGO TERLIBAT | 15% PENINGKATAN NGO TERLIBAT SETIAP TAHUN | 2021-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI |

| STRATEGI 4 | Meningkatkan Pengurusan Fasiliti Dan Pembangunan |
|---|---|
| OBJEKTIF | Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Fasiliti Dan Pembangunan Projek Yang Efektif Dengan Menyediakan Insftrastruktur Sukan Dan Rekreasi Yang Kondusif |

Jabatan mempunyai pelbagai fasiliti yang terdiri daripada Gelanggang Futsal, Kompleks Belia dan Sukan, Kompleks Rakan Muda, Kompleks Sukan Komuniti dan Kompleks Sukan Baharu yang bakal diwujudkan. Objektif utama mewujudkan fasiliti ini adalah untuk memastikan semua urusan pembangunan dan pengurusan fasiliti dirancang, diurus dan diselenggara dengan sempurna dan mampan agar kemudahan yang disediakan dapat menyokong sepenuhnya semua inspirasi dan matlamat yang digarapkan. Jabatan ini mempraktikkan pengurusan fasiliti berdasarkan pendekatan bersepadu yang melibatkan urusan operasi, selenggara dan penyesuaian infrastruktur. Inisiatif yang ditekankan di bawah strategi tindakan meliputi beberapa aspek termasuk penyediaan dokumen rujukan bagi penyelarasan tindakan peringkat negeri dan daerah, penjanaan hasil, pemerkasaan penggunaan optimum fasiliti, menaik taraf pembangunan sedia ada dan menguruskan keperluan baharu dalam memperbaiki tahap penyampaian kerajaan menerusi perkhidmatan yang ditawarkan.

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| **PENGURUSAN FASILITI** | | | | |
| 1. GARIS PANDUAN PENGURUSAN FASILITI BELIA DAN SUKAN JBSN | BILANGAN DOKUMEN | 1 DOKUMEN | 2021-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI |
| 2. PENJANAAN HASIL FASILITI | PERATUSAN HASIL | 2022 – 20%<br>2023 – 30%<br>2024 – 40%<br>2025 – 45%<br>(*BASELINE*: RM566,577.15) | 2021-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI |
| 3. PENGGUNAAN PRASARANA BELIA DAN SUKAN | PERATUSAN PENGGUNA | 45% PENINGKATAN<br>(*BASELINE*: 160,059 PENGGUNA) | 2020-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI |

| INISIATIF | INDIKATOR SASARAN | SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN) | TAHUN/ TEMPOH SASARAN | BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|
| 4. PEMBANGUNAN DAN NAIK TARAF | PERATUSAN KEMUDAHAN DINAIK TARAF | 40 KEMUDAHAN DI NAIK TARAF | 2021-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI |
| 5. BINA BARU | BILANGAN KEMUDAHAN | 5 KEMUDAHAN | 2021-2025 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI |
| 6. PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGURUSAN FASILITI | BILANGAN SISTEM | 1 SISTEM | 2023-2024 | • BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN<br>• JBS NEGERI |

# PEMANTAPAN TINDAKAN PERINGKAT NEGERI

•Strategi & Formulasi Tindakan Peringkat Negeri

# BAB 4

# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN STRATEGIK

Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS Negeri) merupakan payung Jabatan (JBSNegara) yang memainkan peranan dalam menyampaikan tindakan yang dirancang secara sistematik untuk dilaksanakan di peringkat akar umbi. Keupayaan JBS Negeri perlu diglembleng secara bersepadu dan teratur agar kepentingan pemegang taruh dapat dipenuhi dengan mengintegrasikan sumber-sumber yang ada.

Jabatan mempunyai 15 buah Jabatan Belia dan Sukan di seluruh negeri disokong dengan jentera kekuatan sebanyak 113 buah Pejabat Belia dan Sukan Daerah/Bahagian/Kawasan bagi melengkapkan ekosistem pelaksanaan inisiatif di peringkat akar umbi.

Beberapa tindakan utama telah dikenal pasti untuk memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui Jabatan Peringkat Negeri melalui:

## 6 Tindakan Utama Peringkat Negeri

# 6 TINDAKAN UTAMA PERINGKAT NEGERI

## TINDAKAN 1:

### PENETAPAN SASARAN PRESTASI KEBERHASILAN UTAMA (KPI)

1. Keseragaman penetapan sasaran prestasi keberhasilan utama (KPI) peringkat negeri
2. Mekanisme pemantauan produktiviti pelaksanaan tindakan
3. Mengukur pencapaian semasa terhadap kecekapan tindakan
4. Menghalatujukan tindakan kepada sasaran yang diperlukan

## TINDAKAN 2:

### PEMERKASAAN NGO & LIBAT URUS

1. Dialog/ *townhall*/ libat urus secara berkala bersama komuniti dan pemimpin setempat dalam memantapkan perkhidmatan penyampaian berkualiti dan berkesan.
2. Peruntukan penyaluran dana bantuan kepada NGO ditingkatkan di bawah kelulusan Pengarah Negeri bagi tujuan pemerkasaaan NGO ecara holistik
3. Perancangan khas peringkat negeri bersama pemegang taruh mengikut kecenderungan minat dan keperluan belia dan masyarakat setempat (program khusus negeri)

## TINDAKAN 3:

### PEMBANGUNAN DATA RAYA

1. Membangunkan sistem pengkalan data raya antara negeri melibatkan demografi maklumat pelaksanaan program negeri dan daerah, maklumat *success story*, kecenderungan belia setempat dan data statistik berkaitan
2. Aksesibiliti data oleh semua pegawai dan kakitangan
3. Integrasi data antara jabatan negeri

## TINDAKAN 4:

### PEMANTAPAN IMEJ KORPORAT

1. Keseragaman promosi dan publisiti umum JBSNegara daripada peringkat HQ ehingga daerah (video korporat, *template* jabatan, identiti jabatan)
2. Penyediaan aset peralatan media di negeri
3. Memperkasakan imej melalui promosi yang efektif
4. Kecekapan pengurusan pengaduan awam

## TINDAKAN 5:

### PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

1. Penstrukturan semula sumber manusia (penyusunan perjawatan mengikut keperluan mendesak dan lokaliti)
2. Latihan berstruktur bagi meningkatkan kebolehan dan kapasiti pegawai dan kakitangan
3. Mewujudkan pelan peningkatan kompetensi pegawai berkepakaran *(Subject Matter Expert)*
4. Penempatan berdasarkan kepakaran

## TINDAKAN 6:

### PENGURUSAN FASILITI DAN ICT

1. Membekalkan peralatan baharu dan terkini (gimnasium, alatan asrama, peralatan sukan dan ICT)
2. Membangunkan Garis Panduan/ Pelan Tindakan yang sistematik
3. Penyelenggaraan dan pemantauan berkala
4. Naik taraf rangkaian internet di fasiliti JBS Negeri dan daerah
5. Sistem pungutan hasil yang sistematik dan terjamin

# MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

- Mekanisme Pemantauan & Penilaian
- Peranan Jawatankuasa Pemantau Pelan Strategik
- Sokongan Pencapaian Kejayaan
- Penutup

# BAB

# 5

# MEKANISME PEMANTAUAN & PENILAIAN

**PEMANTAUAN PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN**

Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI), Sasaran Kerja Utama (SKU) untuk mengukur pencapaian dan prestasi JBSN melalui mesyuarat berkala jabatan. Pelan Strategik JBSN adalah merupakan garis panduan serta rujukan dalam merancang pelaksanaan program-program tahunan dan penyediaan bajet

**LAPORAN PRESTASI PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK**

Laporan pemantauan pertengahan tempoh pelan *(mid-term)* bagi menilai tahap prestasi pencapaian setengah tahun. Manakala, analisa keseluruhan pencapaian pelan strategik akan dibuat pada tahun terakhir pelaksanaan untuk menilai keberkesanan setiap program dan aktiviti yang dirancang.

**LAPORAN KAJIAN IMPAK PROGRAM**

Kajian Impak Program dijalankan oleh Bahagian-bahagian bagi melihat semula kebolehlaksanaan, kesan program, impak prestasi dan penambahbaikan yang boleh dibuat.

| PERKARA | PELAKSANA | MEDIUM PEMANTAUAN | TEMPOH MASA PELAPORAN | TAHUN |
|---|---|---|---|---|
| Pemantauan Program dan Aktiviti Jabatan | Bahagian (HQ) Jabatan Negeri | • Perancangan Tahunan Jabatan<br>• Sasaran Kerja Utama (SKU)<br>• *Key Performance Indicator (KPI)* | Setiap Tahun | 2021-2025 |
| Laporan Prestasi Pencapaian Pelan Strategik | Bahagian (HQ) Jabatan Negeri | Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Strategik JBSN 2021- 2025 | Setiap Tahun | 2023 |
| Laporan Kajian Impak Program | Bahagian (HQ) | Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Strategik JBSN 2021- 2025 | Mengikut Kajian | 2021-2025 |

# PERANAN JAWATANKUASA PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK 2021-2025

Jawatankuasa Pemantauan Pelan Strategik JBSN 2021-2025 dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara dengan keahliannya daripada semua Timbalan Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Bahagian dan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Terma Rujukan jawatankuasa ini seperi berikut:

**01** Memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif yang telah digariskan dalam pelan ini mengikut tempoh yang ditetapkan

**02** Memantau keberkesanan bagi strategi dan inisiatif di bawah pelan ini agar menepati kehendak *Stakeholders* dan Pelanggan.

**03** Mengkaji isu-isu serta cabaran dalam melaksanakan setiap strategi dan inisiatif yang telah dirancang

**04** Membuat perancangan dan penambahbaikan pada setiap peringkat pelaksanaan strategi dan inisiatif agar selari keperluan hala tuju

**05** Menyediakan pelaporan penuh prestasi pencapaian Pelan Strategik

**06** Menjalankan kajian semula ke atas Pelan Strategik (mengikut keperluan)

# SOKONGAN PENCAPAIAN KEJAYAAN

Kejayaan pelaksanaan PS JBSN 2021-2025 adalah bergantung kepada enam (6) elemen penting yang perlu diuruskan dengan strategik dan efisien iaitu melibatkan:

## DASAR DAN PERUNDANGAN

Sebuah jabatan perlu mempunyai satu pandu arah yang jelas dalam mengatur hala tuju organisasi. Justeru, dasar dan perundangan sangat signifikan untuk diikuti dan dijadikan sebagai panduan agar pelaksanaan sistem tadbir urus dan pengurusan bergerak dengan sistematik, komprehensif, berkualiti dan berintegriti.

## MODAL INSAN YANG KOMPETEN

Tenaga kerja yang mencukupi merupakan keperluan asas sesebuah jabatan. Justeru, pembangunan kompetensi kakitangan perlu ditingkatkan daripada masa ke semasa selari keperluan transformasi perkhidmatan awam kerajaan. Membangunkan modal insan yang terbaik dan berkaliber adalah salah satu kepentingan jabatan dalam melancarkan gerak tindak dan kecekapan tadbir urus organisasi.

## PERUNTUKAN KEWANGAN

Sumber Kewangan yang konsisten dan stabil adalah tunjang utama pelaksanaan strategi tindakan jabatan. Pengurusan kewangan yang teratur, mengikut garis panduan dan pekeliling berkuatkuasa diperkemaskan bagi menambahbaik kualiti pengurusan kewangan dan memastikan perbelanjaan digunakan secara berhemah di samping memperkukuhkan hasil kutipan organisasi.

## SISTEM TEKNOLOGI TERKINI

Selari ledakan teknologi pantas yang merentas dunia, Penggunaan ICT terkini perlu dipraktikkan dalam melaksanakan sistem penyampaian yang efektif dan berkualiti daripada jabatan kepada semua pemegang taruh. Pelbagai inovasi perkhidmatan telah digunakan seperti aplikasi-aplikasi mesra pengguna dalam melancarkan tugasan dan kaedah penyampaian berkesan.

## KECEKAPAN TADBIR URUS

Budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti sangat ditekankan dalam tadbir urus organisasi. Sikap amanah, bertanggungjawab, telus dan berintegriti yang ditanamkan oleh warga organisasi menjadi penentu kepada kejayaaan sesebuah jabatan. Selain itu, amalan etika kerja yang cemerlang seperti berfikiran positif, bekerjasama, saling hormat menghormati, bertolak ansur dan menghargai hasil usaha individu dan pasukan membantu melonjak pencapaian keseluruhan organisasi.

## SOKONGAN PENGURUSAN ATASAN

Tahap organisasi yang matang menyumbang kepada sistem pengurusan dan tadbir urus yang efisien. Hubungan erat dua hala antara pengurusan atasan dan kakitangan perlu sentiasa digembur bagi menguatkan jentera tenaga kerja organisasi. Sokongan daripada aspek penghargaan dan pengiktirafan amat diperlukan untuk menzahirkan sumbangan mereka dalam meningkatkan kualiti organisasi.

# PENUTUP

PS JBSN 2021-2025 merupakan satu usaha yang bersepadu dalam memastikan penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan. Empat (4) Teras Strategik yang digariskan di dalam PS JBSN 2021-2025 merupakan elemen penentu kepada kejayaan dan pencapaian *outcome* yang ditetapkan dalam tempoh yang dikehendaki.

PS JBSN 2021-2025 petanda kepada usaha pihak jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan kerajaan dengan berkesan di samping memenuhi ekspektasi keperluan yang diperlukan oleh *stakeholders*, Pelanggan dan Rakan Strategik jabatan. Melihat kepada konteks perubahan semasa yang terkesan akibat penularan wabak Covid-19 sama ada di peringkat global mahu pun domestik, penjawat awam perlu berdaya kreatif dan inovatif dalam mencari titik kelainan untuk mencetus idea-idea baharu yang lebih segar dan terkini selari keperluan teknologi semasa.

Adalah mejadi harapan tinggi jabatan agar PS JBSN 2021-2025 dijadikan panduan sepenuhnya dalam tempoh lima tahun ini kepada semua anggota kakitangan agar segala yang dihasratkan dapat direalisasikan dengan strategi yang digariskan dan dalam masa yang sama mempertingkatkan imej perkhidmatan jabatan ini pada satu aras yang terbaik.

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**
**JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA**

**Diterbitkan oleh:**
Unit Dasar
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Belia Dan Sukan Negara
Aras 14, Menara KBS
Kementerian Belia Dan Sukan
No.27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA

BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU

KBS

KEMENTERIAN BELIA & SUKAN | MINISTRY OF YOUTH & SPORTS